

18 DEC 1998

Mahathir-Singapura/I

MALAYSIA MAHU KAITKAN ISU AIR DENGAN MASALAH LAIN

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Malaysia yang menolak tawaran Singapura untuk menyediakan pinjaman bernilai AS\$4 bilion (RM15.2bil), kini berharap dapat mengaitkan perjanjian air dengan isu-isu lain dengan republik itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Malaysia memutuskan untuk tidak menerima tawaran pinjaman itu memandangkan buatmasa ini bantuan kewangan daripada republik itu tidak diperlukan.

Daripada urus janji air bagi pinjaman, Malaysia kini mahukan ia dikaitkan dengan isu kereta api, isu Pusat Kastam, Imigresen dan kuarantin (CIQ), isu pengeluaran caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan isu Central Limit Order Book (CLOB), katanya.

"Kita mahu bekalkan air ke Singapura untuk selama-lamanya tetapi sudah pasti mesti ada balasannya. Kita tidak boleh memberikan sesuatu dan tidak menerima apa-apa baginya," kata beliau kepada pemberita selepas perjumpaan dengan ketua-ketua rancangan tanah Felda dari seluruh negara, di sini, hari ini.

"Kita mahu selesaikan masalah kereta api, masalah CIQ, CLOB, CPF.... dan banyak lagi," katanya.

Ditanya mengenai tempoh masa untuk menyelesaikan isu-isu itu, Dr Mahathir berkata ia perlu diselesaikan secara muktamad dan secepat mungkin.

Keputusan Malaysia untuk tidak menerima tawaran pinjaman Singapura diumumkan oleh Dr Mahathir yang bertemu dengan rakan sejawatannya Goh Chok Tong dari republik itu di Hanoi semalam. Kedua-dua pemimpin itu berada di ibu negara Vietnam itu untuk menghadiri sidang kemuncak Asean yang berakhir Rabu lepas.

Dr Mahathir telah berkata keputusan itu bukan bermakna Malaysia tidak akan meneruskan pembekalan air ke republik itu selepas 2061. Pinjaman yang ditawarkan Singapura dikaitkan dengan perjanjian bekalan air sedia ada dengan Malaysia.

Semasa pertemuan antara kedua-dua pemimpin itu di sini, bulan lepas, Goh berjanji untuk membantu Malaysia mencari sumber kewangan bagi membantu memulihkan ekonominya sementara Dr Mahathir pula memberi jaminan untuk mengkaji keperluan air jangka panjang republik itu.

Malaysia buat masa ini membekalkan air mentah ke Singapura di bawah dua perjanjian sedia ada yang masing-masing tamat pada 2011 dan 2061.

Pertikaian mengenai CIQ tercetus apabila Singapura memindahkan pusat pemeriksaannya itu ke Woodlands pada 1 Ogos lepas. Malaysia pula enggan memindahkan pusat pemeriksaannya itu daripada Stesen Keretapi Tanjong Pagar.

-- BERNAMA

AR PR